

18/12/1999

Meletakkan kembali landasan pendidikan

KABINET baru Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad mendapat sambutan baik. Ia dilihat sebagai satu usaha beliau mengimbangi tenaga berpengalaman dengan bakat baru berkepakaran yang mempunyai potensi berkembang.

Tetapi tokoh yang menjadi buah mulut orang ramai malah ahli Umno sendiri ialah pelantikan Tan Sri Musa Mohamad, bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang. Musa bukan orang politik bahkan bukan pula ahli Umno tetapi Dr Mahathir mengangkat beliau secara tiba-tiba untuk mengambil tempat Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Menteri Pendidikan.

Keputusan menggantikan Najib barangkali ada kaitannya dengan perkembangan politik akhir-akhir ini yang mana pelajar terutama penuntut pusat pengajian tinggi yang dikatakan aktif dalam golongan reformasi.

Dalam pilihan raya umum baru-baru ini, mereka adalah tenaga terpenting pembangkang. Walaupun jumlah mereka tidak dapat dipastikan tidak syak pelajar memainkan peranan.

Bagaimanakah Musa akan menunaikan tugasnya sebagai menteri tanpa bersandar kepada jawatannya dalam parti? Untuk memegang jawatan menteri, beliau diangkat menjadi Senator. Beliau tidak mempunyai pengalaman dalam politik. Selepas lulus persekolahannya, beliau menceburi bidang pendidikan hingga memegang jawatan Naib Canselor USM.

Bagaimanapun inilah juga sebabnya maka beliau dilantik sebagai Menteri Pendidikan. Menurut penganalisis, pelantikan Musa ialah kerana Perdana Menteri berkehendak jawatan itu bersih daripada pengaruh politik. Dengan lain kata, Musa dilantik sebagai sifatnya seorang profesional, bukan kerana dia mempunyai kedudukan tinggi dalam parti. Apa yang penting ialah kepakarannya dan pengalamannya sebagai pendidik.

Kita harus akui bidang pendidikan negara kita melalui fasa perubahan besar. Kita dituntut untuk menyesuaikan dasar pendidikan kita agar mampu kelak menghadapi cabaran alaf baru. Kita memerlukan satu generasi baru pelajar yang berdisiplin dan yang menjunjung ilmu sebagai prinsip mencapai kemajuan diri dan pembangunan negara.

Sudah tentu ini adalah satu tugas besar untuk Musa tetapi era kita ialah era penuh cabaran yang mesti disambut serta diatasi jika kita ingin bersaing dengan negara maju.

Tugas ini memerlukan kita menggembeleng seluruh tenaga golongan pendidik untuk bulat menumpukan fikiran dan kepakaran mereka khusus kepada bidang pendidikan. Sekiranya tidak, kita akan ketinggalan dan keciciran.

Perkembangan politik dalam masa akhir-akhir ini menunjukkan betapa pentingnya usaha melahirkan satu generasi pelajar dan pendidik yang berkemampuan menyahut cabaran alaf baru.

Isu Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyeret pelajar dan ahli akademik dalam kancah pergolakan politik yang kesannya menjejaskan prestasi dan profesionalisme golongan pendidik. Kampus universiti menjadi medan politik dan dikatakan guru mempunyai pendirian sendiri dalam pertarungan politik tanah air sehingga murid sendiri ikut terseret.

Jelas kita memerlukan seorang Menteri Pendidikan yang mampu meletakkan kembali landasan pendidikan negara pada tempatnya yang asal. Untuk mencapai maksud ini sudah tentu Menteri Pendidikan memerlukan sokongan dan kerjasama setiap pihak dan golongan dalam masyarakat.

Keadaan di kampus wajar ditinjau agar ia tidak menjadi pusat agitasi

pelajar tetapi ini sekadar satu masalah sampingan saja. Sedangkan masalah lebih besar ialah menggembeleng masyarakat pelajar untuk menerima hakikat bahawa sementara mereka tidak dilarang meminati politik, adalah menjadi kewajipan mereka untuk mendalami ilmu.

Apakah rancangan Musa belum dijelaskan secara terperinci tetapi tidak dinafikan pendekatan beliau akan bersih dari unsur-unsur yang tidak ada kaitan dengan masalah pendidikan. Kita mengucapkan selamat berkhidmat kepada Musa.

(END)